

29 OCT 1996

Mahathir-Selatan

LANGKAH KERJASAMA SELATAN-SELATAN BERJAYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Usaha beberapa negara di Selatan dalam meningkatkan kerjasama telah berjaya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya mesyuarat Kumpulan 15 Ketua-ketua Kerajaan (G-15) di Harare, kerjasama.

"Kita sedang meneruskan usaha membina kerjasama dan interaksi yang lebih kukuh antara negara-negara dari Selatan," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan penandatanganan dua perjanjian projek Bandar Jajar KL di sini.

Beliau berkata demikian semasa diminta mengulas pemergiannya ke Harare dan perkara yang akan dibangkitkannya bagi pihak Asia.

Menurut laporan akhbar hari ini Dr Mahathir akan berucap bagi pihak Asia pada majlis perasmian Ahad ini. Beliau dijadual berucap sebaik selepas ucapan perasmian Presiden tuan rumah Robert Mugabe.

Selain Malaysia dan Zimbabwe, G-15 terdiri daripada Algeria, Argentina, Brazil, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Chile.

Ditanya mengenai kenyataan Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan Ruhanie Ahmad membidas ahli politik yang mengamalkan politik wang semasa membahaskan Belanjawan 1997 di Parlimen semalam, Dr Mahathir berkata perkara yang paling utama ialah menghentikan politik wang.

"Banyak orang cakap pasal politik wang tetapi ia bukan suatu perkara yang mudah untuk dibanteras. Kita cuba, yang paling penting ialah kita cuba."

Ditanya mengenai pertubuhan International Transparency yang menyenaraikan Malaysia sebagai antara negara yang korup, Dr Mahathir berkata memang mudah untuk mereka menjadi hakim atau pendakwa.

"Kalau nak buat kita punya kajian, terdapat rasuah di Itali, di Jerman dan di Perancis, banyak menteri terlibat dalam rasuah di Britain dan kita sepatutnya larang penduduk pergi ke sana atau membelanjakan wang di sana kerana negara-negara itu merupakan negara korup.

"Mudah nak jadikan diri mereka hakim atau pendakwa dan sebagainya, memang senang. Saya pun boleh berbuat demikian tetapi yang pastinya rakyat Malaysia pemalu, mereka tidak akan bercakap perkara yang buruk, mereka serahkan kepada saya untuk memperkatakan yang buruk." -- BERNAMA

AZZ RON